

11 DEC 2003

Abdullah-Dasar

ABDULLAH BERI JAMINAN AKAN TERUSKAN DASAR SEDIA ADA DENGAN ASEAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan pimpinannya akan meneruskan dasar-dasar sedia ada dan hubungan yang terjalin dengan negara-negara Asean lain.

Beliau memberikan jaminan itu semasa mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin negara anggota Asean yang turut menghadiri Sidang Kemuncak Ulangtahun Ke-30 Hubungan Asean-Jepun di sini, hari ini

"Saya menyatakan kepada mereka bahawa dasar-dasar yang mengeratkan hubungan itu akan diteruskan. Dasar-dasar yang dibawa oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang memimpin kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini akan diteruskan oleh saya yang sekarang memimpin BN," katanya pada sidang media dengan wartawan Malaysia di sini selepas bertemu dengan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra petang ini.

Kesemua pemimpin 10 negara anggota Asean menghadiri sidang kemuncak selama dua hari itu, bermula hari ini. Ini merupakan kehadiran rasmi pertama Abdullah di satu forum antarabangsa sejak menjadi Perdana Menteri pada 31 Okt lepas.

Ini juga julung kalinya Asean mengadakan perbincangan dengan salah satu rakan dialognya di luar rantau Asia Tenggara.

Pemimpin-pemimpin Asean lain yang turut ditemui Abdullah hari ini ialah Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei and Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Beliau dijangka bertemu Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai, Perdana Menteri Laos Boun Nhang Vorachith, Perdana Menteri Myanmar Khin Nyunt dan Perdana Menteri Kemboja Hun Seng malam ini.

Selain itu, Abdullah telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan mengadap Maharaja Akihito.

Abdullah berkata beliau turut mengharapkn masalah-masalah genting yang melibatkan Malaysia dan negara-negara Asean lain dapat diselesaikan dengan segera.

"Jika ada masalah yang perlu diselesaikan segera, kita guna telefon kerana lebih cepat mendapat keputusan. Hanya untuk yang benar-benar serius dan perlu diselesaikan segera," katanya.

-- BERNAMA

MFJ HK MOZ